

**Sultan Mizan Sampaikan Bantuan Kepada Fakir Miskin
Bernama
29 Julai, 2012**

KUALA TERENGGANU, 29 Julai (Bernama) -- Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan berangkat dan menyampaikan bantuan untuk fakir miskin sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di sini hari ini.

Sultanah Terengganu Sultanah Nur Zahirah turut berangkat ke majlis yang sama.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said, Setiausaha Kerajaan Datuk Mazlan Ngah serta pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri.

Majlis tersebut merupakan agenda tahunan Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) sejak lebih tujuh tahun lalu.

Pengerusi YDSM Datuk Mohd Fadzli Yusof berkata YDSM mengeluarkan peruntukan RM120,000 untuk bantuan tersebut.

Beliau berkata pada tahun ini seramai 120 orang warga emas dari seluruh negeri ini telah dipilih untuk menerima bantuan itu.

Selain itu, 270 kanak-kanak dari keluarga miskin dari sembilan sekolah terpilih di seluruh negeri ini turut menerima bantuan berkenaan.

Katanya bantuan untuk warga emas lelaki ialah wang tunai RM250, baju Melayu, kain pelikat, songkok sementara warga emas wanita pula wang tunai RM250, kain batik, sandal dan tudung.

Selain itu, mereka juga menerima hamper yang mengandungi barang-barang keperluan asas seperti beras, minyak, gula dan sebagainya.

Kanak-kanak sekolah pula menerima wang tunai RM150 setiap seorang, katanya.

Beliau berkata YDSM mendapat sokongan dan sumbangan menggalakkan daripada badan-badan korporat dan individu dalam menjayakan bantuan tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683915>

